

22/12/2001

Kerajaan tidak lupa jasa pejuang negara

GEORGETOWN, Jumaat - Kerajaan sentiasa menghargai jasa bekas anggota keselamatan yang sanggup mengorbankan jiwa dan raga mereka bagi memastikan rakyat dan negara terus aman, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tanpa pengorbanan bekas anggota keselamatan dan mereka yang masih berkhidmat sekarang menentang musuh, sukar bagi kerajaan untuk meneruskan pembangunan untuk rakyat.

Beliau berkata, pengorbanan bekas anggota keselamatan ketika Perang Dunia Kedua, pemberontakan komunis dan konfrantasi menentang musuh amat dihargai serta tidak akan dilupakan.

"Keamanan itu jugalah yang menjadi impian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika ditanya mengenai hasratnya ketika menyambut ulang tahun ke-76 beliau baru-baru ini," katanya ketika berucap sempena Majlis Makan Malam Kenangan Wira di Hotel Gurney di sini, malam ini.

Majlis makan malam itu dianjurkan Persatuan Bekas Pasukan Keselamatan Negara Malaysia (PBPKNM) sempena ulang tahun ke-45 penubuhan persatuan berkenaan.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Hilmi Yahaya; Ketua Penerangan PBPNM merangkap Ketua Bahagian Pulau Pinang, Raja Dzulkifli Raja Abu Bakar dan Setiausaha Agungnya, M Balachandran.

Abdullah berkata, tanpa keamanan, pembangunan tidak akan dapat dilaksanakan kerana kerajaan terpaksa menghadapi musuh yang cuba menggugat keselamatan negara.

Sehubungan itu, beliau berharap keamanan yang wujud di negara ini akan dapat dikekalkan untuk selama-lamanya kerana ia ada faktor penting kepada kemakmuran negara.

PBPKNM ditubuhkan pada 23 Disember 1955 untuk memperjuangkan nasib bekas anggota keselamatan yang ada di seluruh negara bagi menjaga kebajikan mereka selepas meninggalkan perkhidmatan.

(END)